

UMS terus diberi kepercayaan

Sempurna tanggungjawab jalankan ujian saringan COVID-19

UB 12.4.2020 4

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus diberi kepercayaan menggalas peranan dalam menangani krisis Pandemik COVID-19 apabila kemudahan dan keparahan yang terdapat di UMS dimanfaatkan sepenuhnya bagi menggalas tanggungjawab membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjalankan ujian saringan COVID-19 terhadap sampel-sampel yang diperoleh dari KKM.

Pengarah Institut Penyelidikan Bioteknologi (IPB) UMS, Dr. Zarina Amin berkata, ujian saringan COVID-19 yang dijalankan di Makmal Biokeselamatan Tahap-3, IPB UMS itu dilihat mampu membantu menyelesaikan kes-kes kelewatian pengeasan sampel, sekali gus dapat memberikan keputusan-keputusan yang tepat untuk susulan pantas pihak KKM.

"UMS amat berbangga kerana keparahan para penyelidik UMS dan keupayaan fasiliti makmal bioteknologi UMS membolehkan universiti ini secara langsung dilibatsama dalam mengatasi krisis COVID-19 ini.

"Selaku universiti awam yang saban tahun menghasilkan graduan dalam pelbagai bidang, penglibatan dalam menangani krisis pandemik COVID-19 ini dilihat sebagai satu pengiktirafan kepada penyelidikan dan inovasi khususnya dalam bidang bioteknologi," kata Dr Zarina yang merupakan



BINCANG: Dr. Vijay (empat kiri) mengadakan perbincangan bersama kumpulan penyelidi sebelum mulakan ujian.

salah seorang penyelidik yang terlibat dalam ujian yang dikendalikan.

Dalam pada itu, Prof. Madya Dr. Vijay Kumar dari IPB yang mengetuai penyelidik dalam ujian tersebut menjelaskan, ujian pengeasan COVID-19 itu sepatutnya dijadualkan pada pertengahan April ini.

"Namun memandangkan wujudnya keperluan segera untuk mempercepatkan ujian saringan ke atas sampel yang tertangguh, ujian tersebut telah diawalkan iaitu pada 9 April.

"Walaubagaimana pun, saya dan rakan-rakan penyelidik sudah cukup bersedia untuk melaksanakan tanggungjawab ini pada bila-bila

masa sahaja yang diperlukan, dan kami amat bersemangat melakukan ujian saringan COVID-19 yang dianggap sebagai satu tanggungjawab besar untuk negara dan manusia sejagat," katanya.

Beliau turut berterima kasih kepada pihak KKM khususnya Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dan Makmal Kesihatan Awam Negeri Sabah di atas peluang yang diberikan kepada UMS untuk turut sama memastikan keselamatan masyarakat kembali terjamin dan terus terpelihara.

Selain Dr. Vijay, empat lagi penyelidik UMS turut terlibat sama dalam menjalankan ujian tersebut, iaitu Prof. Madya Dr Kenneth Rodrigues, Dr Cahyo Budiman,

dan Dr Christopher Voo Lok Yung dari IPB, serta Prof. Madya Dr Lee Ping Ching dari Fakulti Sains dan Sumber Alam UMS.

Mereka turut dibantu oleh Dr Noor Hydayat Md Yusuf, Dr Nur Athirah Yusof, Salmi Afidah Shabudin, Mony Mian dan Vida Rita Maikin bagi persediaan awal ujian dan data analisis pasca ujian.

Ujian ke atas semua sampel yang diterima dimulakan dengan pengestrakan RNA diikuti dengan penilaian kehadiran gen dari virus COVID-19 menggunakan teknik tindak balas transkripsi berbalik kuantitatif rantai polimerase (reverse transcription quantitative polymerase chain reaction).